

Kes Dera: Tahap kepedulian kita rendah - ISM

PENINGKATAN kes penderaan kanak-kanak di negara ini dikatakan berpunca daripada kemerosotan tahap kepedulian masyarakat hari ini.

Kegagalan sebahagian besar rakyat memahami dasar berkaitan hak kanak-kanak menjadi penyebab utama semakin ramai mangsa penganiayaan, terutama dalam lingkungan keluarga sendiri.

Malangnya, statistik kajian Institut Sosial Malaysia (ISM) sehingga 2008 mendapati, majoriti pendera terdiri daripada ibu bapa mangsa tersebut yang dicituskan oleh perbalahan keluarga berbanding pengaruh luar seperti jiran, pengasuh dan kenalan keluarga.

Pengaruhnya, Prof. Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, setiap kanak-kanak berhak mencapai kewujudan, kematangan dan meraikan kematangan sendiri menerusi perkembangan roh, akal, rasa dan tingkah laku mengikut amalan didikan baik dari peringkat awal tumbesaran.

Malah umum mengetahui bahawa mereka juga berhak mendapat perlindungan daripada pengaruh negatif seperti penderaan, eksploitasi, pencabulan dan bukan dijadikan mangsa sama ada secara emosi, fizikal mahupun seksual.

"Masalah timbul apabila golongan kanak-kanak dimanipulasi oleh minda pra-sedar golongan dewasa yang sengaja berhelah dan melengah-lengahkan bantuan atau membuat laporan.

"Sedangkan mereka tidak seharusnya diabai dan dianiaya oleh sesiapa pun. Kanak-kanak tidak patut didiskriminasi hanya kerana perbezaan pada diri mereka. Jika berlaku salah laku terhadap golongan ini, komuniti sekitar wajib campur tangan dan melindungi mereka," tegas beliau.

Pada masa sama, institusi kekeluargaan harus memainkan peranan dengan mengukuhkan sistem sokongan untuk memberi pendidikan termasuk mengenali Tuhan, perbezaan jantina, memupuk nilai-nilai murni dan membekalkan ilmu bermanfaat demi masa depan mereka.

Kegagalan menyediakan semua ini juga merupakan bentuk penganiayaan terhadap

kanak-kanak. Lebih-lebih lagi jika hak kebebasan untuk bermain dihalang kerana mereka akan belajar menghormati orang lain, berkongsi dan berdisiplin apabila bergaul dengan rakan-rakan sebaya.

Begitu juga dengan hak kanak-kanak untuk didengari. Terdapat banyak kes menunjukkan kanak-kanak atau remaja lebih mempercayai rakan sebaya sehingga mengakibatkan kelemahan komunikasi antara anak-anak dengan ibu bapa.

Justeru ibu bapa berperanan membentuk sikap positif bermula dengan asas interaksi dengan keluarga sebelum ruang lingkup menjadi lebih luas apabila anak memasuki pergaulan dengan rakan-rakan sebaya, kejiwaan dan seterusnya masyarakat.

"Ibu bapa mesti peka dan lebih terbuka. Sistem maklum balas juga penting bagi pengukuhan nilai-nilai murni dan mengikis tabiat negatif dari peringkat awal.

"Jika kanak-kanak itu dibesarkan dengan roh dan akal yang rendah, dia akan memiliki nilai rendah apabila dewasa kelak. Begitu juga apabila kanak-kanak itu dikelilingi roh dan akal yang negatif, itu yang menjadikan dia individu negatif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk Kanak-Kanak dan Sistem Sosial pada Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak Ke-2 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, seminar itu dianjurkan ISM dengan kerjasama Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA) dan Sekretariat Kebajikan Wanita Malaysia.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran

CRC di Malaysia

Pada tahun 1995, Malaysia mula menggunakan pakai CRC bagi mengukuhkan komitmen negara terhadap perlindungan dan kebajikan kanak-kanak.

Bagaimanapun, ia mengandungi beberapa syarat dalam bentuk 'keraguan' (reservation) kepada peruntukan CRC. Ia berikutan percanggahan antara artikel CRC dan undang-undang sivil serta syariah negara.

Malaysia menghantar laporan pertama kepada Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak pada 2006 dan sebagai balasan, jawatankuasa tersebut mengiktiraf usaha kerajaan yang mematuhi CRC terutama menerusi pelaksanaan Akta Kanak-Kanak pada 2001.

Jawatankuasa berkenaan menyerahkan Perhatian Kesimpulan kepada negara pada 2007 yang menyarankan cadangan berikut:

- Mengkaji semula dan menghapuskan keraguan terhadap CRC

dan pengetahuan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan agama dan masyarakat umum mengenai isu-isu terkini membabitkan kanak-kanak. Di samping itu, seminar tersebut turut membincangkan pelaburan demi kesejahteraan kanak-kanak dari aspek kesihatan, pendidikan dan penjagaan.

Usaha itu selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang diguna pakai pada Perhimpunan Agung



- Mengesahkan dua protokol pilihan dan undang-undang antarabangsa lain
- Mengkaji semula sistem dwiperundangan (sivil dan syariah) memandangkan sebahagian undang-undang domestik dianggap halangan untuk merealisasikan CRC di Malaysia
- Menghapuskan hukuman berat untuk kanak-kanak
- Mengkaji semula Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 bagi memastikan syarat kelayakan dinyatakan dengan jelas agar mematuhi standard buruh antarabangsa.

Bangsa-Bangsa Bersatu sejak 20 November 1989.

CRC mencadangkan beberapa garis panduan bagi memastikan hak kanak-kanak dilindungi. Ini dilaksanakan menerusi pawaian dalam perkhidmatan perundangan, sivil, penjagaan kesihatan, pendidikan dan sosial.

Untuk maklumat lanjut, layari www.unicef.org/malaysia/children_crc-in-malaysia.html.